

# GIGvaganza-Empower ECER bantu kuasai bahasa Inggeris

BERITA HARIAN (WILAYAH)  
25 JULAI 2016 m/s 29

➔ Program anjuran bersama UMP mantapkan kemahiran pelajar

Oleh Shahrinnahar Latib  
bhnews@bh.com.my

✦ Bera

Seramai 377 pelajar di sekitar daerah ini menyertai Program GIGvaganza-Empower ECER Bera 2016: Fun Learning English di Kompleks Rakan Muda Bera, di sini.

Program anjuran Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu bertujuan meningkatkan kemahiran pelajar dalam penggunaan bahasa Inggeris.

Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Modal Insan ECERDC, Zulkifli Ya'acob, berkata program itu adalah untuk pelajar sekolah mengaplikasikan serta mengukuhkan tatabahasa dan mengubah persepsi bahawa bahasa Inggeris sukar dipelajari.

Katanya, program ini boleh dijadikan platform bagi menyediakan persekitaran yang menyeronokkan untuk dipelajari dan dapat menggunakan bahasa Inggeris dalam kehidupan harian mereka.

"Program ini diharap dapat memantapkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Empower ECER, khususnya dari aspek tatabahasa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian penutupan program berkenaan yang disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-Tugas Khas negeri, Datuk Norol Azali Sulaiman, baru-baru ini.

## Program modal insan

Yang turut hadir, Dekan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) UMP, Prof Madya Dr Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Eksekutif Kanan Daya Saing Akademik dan Pembangunan Bisnes UMP Advance Education (UAE), Mohammad Nuroraf Nordin.

Sementara itu, Norol Azali berkata, pelbagai program pembangunan modal insan yang dilaksanakan seperti ini bertujuan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) termasuk di daerah ini.

Fakta  
nombor

197 PELAJAR

Tingkatan 3 dan  
Tingkatan 5 terbabit

400 PELAJAR

dapat manfaat sejak  
program Empower  
ECER Bera 2015

[FOTO SHAHRINNAHAR LATIB /BH]



Norol Azali bersama sebahagian peserta Program GIGvaganza-Empower ECER Bera 2016: Fun Learning English di Kompleks Rakan Muda Bera.